

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERI DR. SITI HASMAH BTE HJ. -MOHD. ALI
DI UPACARA PENUTUP DAN PENYAMPAIAN
SIJIL-SIJIL KEPADA PESERTA-PESERTA KURSUS
SULAMAN DI KARYANEKA
{DARI 8IIB. MAC - 8HB. JULAI, 1982)
DI PUSAT KARYANEKA, PADA HARI KHAMIS,
8HB. JULAI, 1982, JAM 2.30 PETANG.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Saya sukalah mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Jawatankuasa Pengurusan KARYANEKA atas kesudian menjemput saya memberi ucapan dan seterusnya menyampaikan Sijil kepada peserta-peserta Kursus Sularaan kali ke-2 tahun 1982 ini.

2. Saya telah difaharakan bahawa peserta-peserta kursus kali ini telah diberi latihan yang agak mendalam dalam bidang sulaman, jahitan dan gubahan bunga; bahkan kursus ini telah dilanjutkan dari 3 bulan seperti yang dirancangkan kepada 4 bulan. Saya percaya dalam tempoh kursus ini, jurulatih-jurulatih . dari KARYANEKA telah memberikan kefahaman yang mendalam kepada Puan-puan sekelian dalam bidang-bidang yang saya nyatakan tadi. Saya berharap agar ilmu dan pengetahuan yang puan-puan perolehi dari kursus ini dapat dipraktikkan selepas tamat menjalani kursus bagi faedah diri puan-puan sekelian. Namun bagitu, saya berharap puan-puan sekelian tidak hanya berpuashati dengan pengetahuan yang diperolehi dari kursus ini. Puan-puan haruslah berusaha sendiri menambahkan ilmu pengetahuan dan mendalami lagi selok-belok sulaman, gubahan, jahitan dan gubahan bunga dengan cara pembacaan di masa puan-puan membuat kerja tersebut di rumah atau di bengkel.

3. Saya ingin mengumumkan bahawa pihak KARYANEKA bercadang untuk membuka 12 buah bengkel lagi di Kubang Pasu. Bengkel-bengkel yang dicadangkan itu akan memberikan kemudahan yang sama seperti yang terdapat di enam buah bengkel yang ada sekarang di Kubang Pasu juga.

4. Saya dan juga pihak KARYANEKA berharap puan-puan sekalian akan menjadi -pengeluar tetap kepada KARYANEKA dalara hasil-hasil sulaman dan bunga. Ini adalah selaras dengan objektif KARYANEKA mengadakan latihan kursus ini.

5. Saya suka mengucapkan tahniah kepada semua peserta-peserta kursus atas ketekunan puan-puan sepanjang menjalani latihan di sini sehingga tamat. Saya mendapat tahu puan-puan telah menunjukkan minat yang tinggi dan memberi sambutan yang baik atas setiap tunjuk ajar yang diberikan. Saya suka mendoakan agar puan-puan semua selamat kembali ke tempat masing-masing dan selamat menjalankan tugas dengan jayanya. Saya suka mengucapkan terima kasih kepada KEMAS, KARYANEKA, Lembaga Perancang Keluarga Negara dan semua jurulatih yang telah menjayakan kursus ini.

6. Akhir kata, saya dengan bangganya menutup Kursus Sulaman Ke 2 Tahun 1982 ini dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah, assamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
